

KUMPULAN CERITA RAKYAT SARAWAK

POKOK AJAIB

Ahi Sarok

Pada suatu masa dahulu, Sibarun, anak lelaki kepada Raja Manggeng dari Pulau Jawa telah berkahwin dengan seorang perempuan dari Siburan. Perempuan tersebut dari keturunan Bidayuh, etnik yang ketika itu menetap di kawasan sekitar Sungai Sarawak. Kebanyakan orang Bidayuh ketika itu tinggal di kawasan-kawasan tinggi dan menanam padi bukit sebagai sumber makanan. Sibarun dan isterinya dikurniakan dua orang anak lelaki, Si Pungut dan Si Kadut. Mereka berdua sangat menyayangi kedua-dua budak itu.

Pada suatu hari Sibarun mengajak isterinya pergi menziarahi saudara-maranya di Pulau Jawa. "Ibu bapa kamu pun sudah meninggal. Anak-anak kita tiada lagi saudara-mara di sini. Lebih baik kita bawa mereka ke Pulau Jawa untuk menziarahi saudara-mara di sana," katanya.

Isteri Sibarun tidak membantah. Sibarun lalu mengarahkan anak buahnya untuk menyediakan sebuah kapal layar. Apabila kapal sudah siap Sibarun dan keluarga serta sekeluarga pun mulalah belayar menyusuri Sungai Sarawak. "Kita akan jumpa atuk dan nenek," kata Si Pungut dan Si Kadut sesama sendiri, kegembiraan.

Malang tidak berbau. Sebelum jauh mereka meninggalkan Siburan, kapal yang mereka naiki dilanda gelombang besar lalu tenggelam. Sibarun dan isterinya serta kebanyakan anak kapal terkorban. Nasib menyebelahi Si Pungut dan Si Kadut serta anak-anak kapal yang lain. Mereka dibawa oleh gelombang hingga terdampar di pantai Santubong. Si Pungut dan Si Kadut kemudian dibawa balik ke rumah panjang mereka di Siburan oleh anak-anak kapal yang selamat tadi.

Sejak hari itu tinggallah Si Pungut dan Si Kadut di Siburan sebagai anak yatim piatu. Kehidupan mereka adik-beradik penuh dengan cabaran dan dugaan apalagi kerana mereka sudah tiada saudara-mara lagi di situ. Mereka juga tidak begitu disenangi oleh orang kampung. Orang Kampung iri hati kerana Sibaran pernah menjadi raja suatu ketika dahulu.

Si Pungut dan Si Kadut terpaksa bekerja keras untuk menyara hidup mereka—berhuma seperti penduduk lain. Kadang-kadang mereka juga pergi berburu di dalam hutan atau menangkap ikan di Sungai Sarawak yang berdekatan dengan rumah panjang. Kalau mereka sanggup bekerja keras setiap hari dapatlah mereka makan. Kalau tidak, mereka akan kelaparan. Begitulah nasib mereka adik-beradik.

Pada suatu hari Si Pungut dan Si Kadut terpaksa mengikut orang kampung bergotong-royong membersihkan dan menebas rumput di denai yang menghala ke kawasan huma mereka. Orang ramai yang datang semuanya ada membawa bekal yang sudah disediakan oleh kakak, isteri atau anak masing-masing. Bagaimanapun, Si Pungut dan Si Kadut yang tiada ibu bapa atau saudara-mara hanya membawa air dalam botol. Apabila orang ramai berehat untuk makan tengah hari, mereka berdua terpaksa melihat dengan menelan air liur! Tiada seorang pun yang sudi menjemput mereka berkongsi makanan yang dibawa.

Kerana berasa malu dan sedih dengan kejadian itu Si Pungut dan Si Kadut pun meninggalkan kumpulan orang ramai yang sedang makan tadi. Mereka berjalan ke dalam hutan tanpa arah tujuan yang jelas. Tiba-tiba mereka terdengar bunyi sesuatu seperti bunyi binatang terkena jerangkap. Mereka berdua pun pergi menyiasat dan mendapati ada

seekor ular sawa yang besar sedang terperangkap di celah-celah duri. Ular itu merontaronta, cuba untuk melepaskan diri tetapi gagal.

“Ular inilah yang akan menjadi makanan kita hari ini, bang,” kata Si Kadut, mula hendak menghunus parang yang dibawanya.

“Tunggu dahulu! Ini bukan ular biasa,” kata Si Pungut pula. Ada sesuatu pada ular itu yang menarik perhatiannya. Si Pungut memang betul.

“Kawan, tolonglah lepaskan saya,” kata ular itu, tiba-tiba pandai bercakap seperti manusia! “Tolonglah lepaskan saya dari duri-duri ini.”

Tanpa berfikir panjang Si Pungut terus mencantas dahan dan duri yang mengena badan si ular tadi. Si Pungut memegang badan ular itu dengan kedua-dua belah tangannya dan dengan penuh cermat, mengeluarkan ular tersebut dengan selamat. Bagaimanapun, badan ular tadi terluka dan berdarah di sana sini.

“Bolehkah pak cik balik sekarang?” tanya Si Pungut dengan sopan.

“Tidak, nak. Saya tidak dapat bergerak,” jawab si ular. “Boleh anak tolong hantar saya balik?”

“Saya tidak tahu ular ada rumah,” kata Si Kadut pula kepada abangnya.

Si Pungut mengambil ular tadi dan meletakkan haiwan itu di atas tangannya. “Pak cik selesakah begini?” tanyanya. “Tolong beritahu saya di mana rumah pak cik.”

“Di sana, nak. Di gunung itu,” jawab si ular sambil menghalakan mulutnya ke arah sebuah gunung yang berada agak jauh di hadapan.

Tanpa banyak bercakap lagi Si Pungut dan Si Kadut pun sama-sama mengendong ular sawa tadi dan terus berjalan meredah semak-samun ke arah gunung yang berada di

hadapan mereka. Setelah bersusah-payah berjalan untuk sekian lama akhirnya mereka pun sampai dekat pintu sebuah gua di lereng gunung.

“Inilah tempatnya, nak. Kamu bolehlah turunkan saya di sini dan terima kasih kerana bersusah-payah menghantar saya balik,” kata si ular tersebut.

Si Pungut membongkok dan terus meletakkan ular tadi di atas tanah. Tiba-tiba kedengaran suara garang memekik dari dalam gua. “Hoi! Hoi! Saya terhidu bau manusialah! Saya tercium daging manusialah! Cepat bawa ke sini. Biar saya makan mereka!”

“Nenek jangan marah,” balas si ular sawah tadi dengan tenang .

Si Pungut dan Si Kadut yang belum nampak di mana ular yang dipanggil nenek itu berasa takut dan seram.

“Hoi! Kenapa pula saya tidak marah?” tengking suara dari dalam gua lagi. “Kamu hendak membohongi sayakah? Kamu ingat saya bodoh? Saya dapat mencium bau mereka dari sini.”

“Betul, nek. Memang ada manusia di sini tetapi mereka baik hati. Mereka yang menyelamatkan saya ketika saya tersepit di celah-celah duri tadi. Saya cedera dan tidak dapat berjalan tetapi mereka bersedia dan sanggup untuk membawa saya pulang. Nenek tolonglah jangan apa-apakan mereka berdua,” balas si ular.

“Kamu berdua jangan takut,” bisik ular itu kemudian kepada Si Pungut dan Si Kadut. “Nenek saya memang tidak suka pada manusia. Semasa dia masih kecil dia hampir-hampir dibunuh oleh pemburu. Kamu berdua perlu balik sekarang tetapi sebelum itu, saya ada sesuatu untuk diberi kepada kamu.” Si ular pun melingkarkan badannya dan dua keping sisik berwarna keemasan terjatuh keluar.

“Kamu ambil sisik-sisik ini. Apabila kamu balik nanti, bawa sisik-sisik ini ke atas gunung dan tanam. Jangan tanam kalau kamu kebetulan terdengar bunyi burung ‘kusah’ atau burung ‘kerikak’. Naiklah lagi hingga ke puncak gunung. Tanamlah di situ.

Ingat pesan saya ini,” kata si ular lagi.

“Terima kasihlah, pak cik,” kata Si Pungut dan Si Kadut sambil masing-masing mengutip sisik-sisik tadi. Selepas itu mereka berdua pun meminta diri dan berjalan pulang ke rumah panjang.

Keesokan paginya Si Pungut dan Si Kadut bangun lebih awal daripada biasa. Mereka kemudian mendaki Gunung Siburan, mencari tanah yang subur untuk menanam sisik ular tersebut. Kebetulan ketika itu sudah musim orang menanam padi. Hampir semua penduduk kampung sedang mengerjakan huma masing-masing di kawasan sekitar gunung itu. Si Pungut dan Si Kadut terpaksa berjalan melimpasi huma-huma mereka.

“Kamu berdua hendak ke mana?” tanya orang ramai apabila ternampak dua beradik itu..

“Ke puncak Gunung Siburan,” jawab Si Pungut dengan penuh sopan.

“Bodoh! Tempat menanam padi, di sini. Bukan di puncak gunung itu,” perli seorang wanita bernama Si Dia.

Si Pungut dan Si Kadut terus berjalan tanpa menghiraukan Si Dia. Mereka terpaksa meredah kawasan huma, dusun durian dan hutan tebal serta cerun yang semakin tinggi.

“Tempat ini sesuaikah untuk menanam sisik ular itu?” tanya Si Kadut.

“Tidak, bukan tempat ini,” jawab Si Pungut. “Hutan di sini terlalu tebal. Tumbuhan baru tidak akan membesar di sini.”

Si Pungut dan Si Kadut terus berjalan hinggalah mereka sampai di puncak Gunung Siburan. Kawasan di situ tidak terdapat banyak pokok lagi. Mereka pun berhenti dan mula mencari kawasan yang rata. “Kusah! Kusah! Kusah!” Tiba-tiba kedengaran bunyi kicauan burung dari atas pokok.

Kerana teringat akan pesan si ular, kedua-dua adik-beradik pun membatalkan rancangan untuk menanam sisik ular di situ. Mereka meneruskan perjalanan hingga sampai ke kawasan yang lebih tinggi. Dari situ mereka dapat melihat Sungai Sarawak yang mengalir di bawah sana. Mereka pun berhenti untuk mencari tempat yang sesuai untuk menanam sisik tersebut. “Kriak! Kriak! Kriak!” Kedengaran pula bunyi burung dari atas pokok.

Si Pungut dan Si Kadut mendaki lagi hingga berada benar-benar di atas puncak gunung. Awan kelihatan seperti mencecah puncak gunung tersebut. Dari situ mereka dapat melihat Gunung Santubong yang dikelilingi laut, seolah-olah mengawal kuala Sungai Sarawak. Mereka berdua berdiam diri buat beberapa ketika sambil mendengar kalau-kalau ada bunyi burung berkicauan. Keadaan sekeliling terasa begitu sunyi dan hening. Yang kedengaran hanyalah bunyi angin yang bertiup.

“Inilah tempatnya, dik” kata Si Pungut.

Si Pungut dan Si Kadut pun terus mencapai parang yang dibawa masing-masing dan menggali lubang di atas tanah. Mereka kemudian menanam sisik pemberian daripada sang ular tempoh hari. Selepas itu mereka berdua pun turun dan pulang ke rumah.

Lebih kurang setahun kemudian belum ada apa-apa juga yang tumbuh dari sisik ular yang ditanam tadi. Namun Si Pungut dan Si Kadut masih juga mendaki Gunung Siburan dari semasa ke semasa untuk melihat dengan sendiri perkembangannya. Apa

yang mereka lihat hanya pokok-pokok lain yang membesar dan semak-samun tumbuh dengan suburnya. Selang beberapa lama kemudian mereka sudah tidak tahu lagi tapak tempat sisik-sisik itu ditanam tempoh hari!

“Mungkinkah ular itu sengaja mengenakan kita, bang?” kata Si Kadut.

Si Pungut hanya menggelengkan kepala. Dia sendiri pun tidak tahu. Belum pernah dia berjumpa dengan ular sedemikian sebelum itu.

Kira-kira setahun selepas itu, ketika Si Pungut dan Si Kadut pergi berburu di kawasan yang sama, mereka terperanjat melihat ada sebatang pokok yang lurus lagi sangat tinggi di situ. Mereka terpaksa mendongak baharulah mereka dapat nampak daun pokok yang lebat dan menghijau itu. Apa yang nampaknya seperti buah-buahnya pula kelihatan besar-besar dan luar biasa.

“Pokok apa agaknya ini?” tanya Si Kadut dan Si Pungut sesama sendiri..

Si Pungut dan Si Kadut memerhatikan pokok itu dengan penuh khusyuk. Gonggong besar, pasu-pasu dan pinggan-pinggan berwarna hijau dan ungu tergantung dari dahan-dahannya. Daun-daunnya seperti kepingan duit perak. Batangnya pula dililit oleh tali pinggang perak dan manik-manik. Beberapa kotak daun sirih yang kekuningan juga terdapat pada pokok itu. Belum pernah penduduk di Siburan atau di mana-mana melihat pokok seperti itu.

Si Pungut dan Si Kadut hanya mampu mendongak dan melihat semuanya itu dengan penuh tanda tanya. Mereka berdua sangat terperanjat dan seperti tidak percaya dengan apa yang mereka nampak.

“Boleh kita panjat dan ambil apa-apa yang ada di atas pokok itu?” tanya Si Kadut

“Kita tidak perlu barang-barang itu semua,” jawab Si Pungut sambil menggelengkan kepala. “Kalau kita bekerja keras, kita boleh memperoleh apa-apa sahaja. Suatu hari nanti, kalau kita benar-benar memerlukan benda-benda itu, bolehlah kita datang lagi untuk mengambilnya. Bukan sekarang.” Selepas itu Si Pungut dan Si Kadut pun pulang ke rumah. Mereka sengaja merahsiakan penemuan mereka itu daripada orang kampung.

Sementara itu, timbul pula cerita tentang Sibun Simambang, rakan serumah panjang dengan Si Pungut dan Si Kadut. Pada suatu hari Sibun Simambang telah keluar berburu menyusuri sungai. Dia kemudian ternampak seekor burung kenyalang tetapi setiap kali Sibun Simambang cuba menyumpitnya burung itu akan terbang lebih jauh. Bagaimanapun Sibun Simambang terus menjejaknya hingga jauh ke dalam hutan belantara. Dia sekarang sudah semakin jauh dari Siburan. Hari juga sudah semakin lewat.

Apabila malam sudah menjelang Sibun Simambang tiba-tiba ternampak ada sebuah rumah panjang di hadapannya. Dia pun memberanikan diri untuk pergi menghampiri rumah itu. “Boleh saya naik?” tanyanya dengan penuh sopan kepada beberapa orang yang berada di **tanju**¹.

“Naiklah, naik,” jawab orang-orang yang disapa tadi.

Sibun Simambang pun naiklah ke rumah panjang itu. Dia mula berasa pelik. Mereka di situ berpakaian lain daripada apa yang biasa Sibun Simambang lihat. Percakapan mereka juga berbeza. Baharulah dia sedar dia sekarang sudah berada di perkampungan musuh. Nasib baik juga penduduk kampung itu tidak tahu asal-usul Sibun Simambang.

¹ Pelantar terbula di luar rumah panjang untuk menjemur padi, pakaian dan sebagainya.

“Kamu tinggal sahaja dengan kami di sini,” kata salah seorang daripada orang di rumah panjang itu. Dia kemudian menjemput Sibun Simambang untuk makan malam bersama.

Selepas semua sudah makan, mereka duduk mengelilingi api, berbual-bual sambil makan sirih. Sibun Simambang berasa takut. “Kalau mereka tahu saya dari Siburan mereka tentu akan bunuh saya,” fikirnya. “Saya mesti buat sesuatu.”

Di dalam bekas buluh yang digantung pada tali pinggang Sibun Simambang terdapat sebiji tabung kecil yang berisi kapur. Kapur itu disediakan oleh neneknya dan sudah dijampi. Siapa yang makan kapur tersebut akan tunduk dan menjadi kawan kepada pembawanya.

Sibun Simambang meletakkan pasu kecil tadi di dalam tepak sirih. “Sila makan kapur ini, kawan,” katanya. “Ia disediakan oleh nenek saya dan sangat istimewa.”

Semua penduduk rumah panjang tersebut pun bergilir-gilir merasa sedikit kapur tadi dengan menyapunya pada daun sirih. “Yalah, memang bagus tetapi pedas sedikit,” kata mereka.

Anak gadis ketua rumah panjang juga turut merasakan kapur itu. “Memang enak,” katanya. Selepas itu dia mencubanya lagi beberapa kali. Akhirnya dia pun jatuh hati dengan Sibun Simambang, kesan daripada kuantiti kapur yang banyak itu.

Selepas beberapa hari Sibun Simambang tinggal di rumah panjang tadi ketua rumah pun bertanya sama ada dia akan terus tinggal di situ.

“Saya tidak pasti,” jawab Sibun Simambang. “Saya sepatutnya sudah balik ke kampung halaman saya.”

“Tidak mengapa. Kamu tinggal dulu di sini. Lepas itu kamu boleh balik ke pangkuan isteri dan anak-anak kamu,” kata ketua rumah panjang lagi.

“Saya belum beristeri lagi. Saya masih bujang,” balas Sibun Simambang.

Ketua rumah panjang tadi berasa gembira apabila mendengar kata-kata Sibun Simambang. “Anak gadis saya ada beritahu bahawa dia sudah berkenan dengan kamu. Macam mana dengan kamu?”

“Anak pak cik memang jelita. Saya juga suka dengan dia.”

“Kalau begitu, saya boleh beri kamu tanah di sini untuk kamu bertanam padi, kalau kamu suka. Selepas itu kamu boleh tinggal di sini atau kamu boleh berkahwin dengan salah seorang anak gadis rumah panjang ini.”

“Saya ingin sangat berkahwin dengan anak pak cik, itu pun kalau pak cik benarkan.”

Ketua rumah panjang tersenyum lebar mendengar kata-kata Sibun Simambang.

Pada sebelah petang, seperti biasa, penduduk rumah panjang duduk mengelilingi unggun api sambil makan sirih dan merokok. Mereka semua bercerita tentang perkahwinan Sibun Simambang. “Dia mesti bawa hantaran,” kata mereka. “Ini adat kita”

“Hantaran jenis apa yang kamu maksudkan?” tanya Sibun Simambang. Dia dan ibunya orang miskin.

“Barangan biasa. Tidak perlu banyak. Hanya beberapa biji gong dan pasu, tali pinggang perak dan pinggan berwarna hijau.”

Tiba-tiba Sibun Simambang berasa malu. Dia dan ibunya bukan orang yang berada tetapi dia tidak mahu mendedahkan keadaan yang sebenarnya pula

“Kalau begitu, bolehlah. Saya memang ada barang-barang itu.” Sibun Simambang sengaja berbohong.

“Di mana kamu simpan barangan tersebut?”

“Di rumah panjang kami.”

“Di mana rumah panjang kamu?”

“Rumah panjang saya? Eh, tidak jauh, di hulu sungai tetapi agak susah untuk pergi ke sana. Saya akan balik untuk mengambil semua barang tersebut. Saya juga perlu menjemput saudara-mara saya untuk menghadiri perkahwinan saya. Saya akan balik esok dan akan kembali ke sini dalam masa dua minggu,” kata Sibun Simambang.

Kesokan harinya, Sibun Simambang meminjam sebuah perahu dari masyarakat rumah panjang dan berkayuh ke hulu sungai. Beberapa lama kemudian dia pun sampai di Siburan. Sibun Simambang tidak tahu apa yang patut dia buat lagi. Dalam hatinya dia tidak mahu balik ke rumah panjang tadi. Bgaimanapun, pada masa yang sama, dia tidak dapat melupakan anak gadis ketua rumah panjang yang cantik itu. “Dia juga mungkin menunggu saya kembali,” fikiran.

Sibun Simambang tidak memberitahu sesiapa apa yang telah berlaku ke atas dirinya. Apabila ibunya bertanya apa yang berlaku Sibun Simambang hanya menggeleng kepala.

Pada satu hari Sibun Simambang telah pergi mendaki Gunung Siburan untuk menenangkan fikirannya. Apabila dia sampai di puncak gunung tersebut dia terus baring di bawah sebatang pokok yang rimbun untuk berehat. Sambil berbaring dia mendongak ke atas pokok tersebut. Dahan-dahan pokok itu bergoyang dan terdengar bunyi besi bergeselan seperti bunyi loceng.

“Apa semuanya ini?” tanya Sibun Simambang terkejut. Dia bingkas bangun apabila ternampak pasu-pasu besar, pinggan-pinggan, gong-gong, manik-manik dan kepingan-kepingan duit syiling bergantung di atas pokok. Benda-denda itu bergesel-geselan ditup angin.

Sibun Simambang meletakkan **tambok**² dan parangnya di atas tanah dan cuba cuba memanjat pokok tadi tetapi kulitnya sangat licin bak kain sutera. Pokok tersebut juga sangat tinggi. Sibun Simambang tahu dia tidak mampu memanjatnya tanpa bantuan. Dia pun berlari menuruni gunung tersebut dan balik ke rumah panjang untuk meminta bantuan kawan-kawan dan orang kampung. Sibun Simambang mahu mengambil harta karun dari pokok itu sebagai hantaran kepada bakal isterinya.

Pada mulanya orang ramai tidak percaya dengan cerita Sibun Simambang. “Mustahil ada pokok yang sedemikian. Siapa yang menanamnya?” kata mereka. Bagaimanapun, setelah didesak oleh Sibun Simambang, mereka akhirnya naik juga ke atas Gunung Siburan untuk melihat dengan mata sendiri apa yang didakwa oleh pemuda itu. Mereka benar-benar terperanjat bercampur kagum apabila melihat pokok yang luar biasa tersebut. Namun tidak ada seorang pun dari kalangan mereka yang tahu bagaimana untuk memanjat atau untuk mendapatkan harta karun yang terdapat pada pokok itu.

Ketua rumah panjang yang turut ikut serta lalu mencadang supaya mereka memuja pokok tersebut. “Kita perlu memukul gong dan gendang sambil menari mengelilinginya,” katanya.

Beberapa orang yang ikut serta tadi pun segera balik ke rumah panjang untuk mengambil gong dan gendang yang diperlukan. Sebaik sahaja mereka kembali membawa gong dan gendang itu orang ramai pun mula memuja pokok tadi. Sambil memukul gong

² Sj bekas yang dianyam daripada bilah-bilah rotan atau kulit rumbia untuk membawa barang.

dan gendang bertalu-talu mereka menyanyi dan menari mengelilingi pokok itu berulang-ulang.

Tiba-tiba datang Si Dia dalam keadaan tergesa-gesa. “Apa kamu semua buat di sini?” tanya Si Dia. “Pokok ini milik saya. Kamu jangan cuba memanjatnya!”

“Kalau pokok ini kamu yang punya, kenapa kamu tidak ambil harta karun yang terdapat di atasnya? Kenapa kamu tidak panjat?” balas orang ramai tadi sambil memperli Si Dia yang gemuk-gedempul itu.

Si Dia merenung ke atas pokok tadi. Dia kemudian melilitkan sehelai kain merah pada kepala dan juga lengannya. Selepas itu Si Dia pun menyertai orang ramai menari mengelilingi pokok tadi. Bagaimanapun dahan-dahan pokok itu terus bergoyang dan semakin tinggi hingga mencecah langit biru.

“Berhenti kamu, Si Dia!” kata ketua rumah panjang apabila menyedari apa yang berlaku pada pokok tadi. “Kamu hanya menyebabkan pokok ini bertambah lebih tinggi. Menyusahkan orang sahaja kamu ini,” tambahnya dengan nada menyindir.

Si Dia yang berasa terhina kerana teguran itu pun terus beredar dari situ.

Ketua rumah panjang melihat ke sekeliling. Penduduk kampung semuanya ada di situ kecuali Si Pungut dan Si Kadut. “Pokok ini nampaknya menghendaki semua orang berada di sini. Di mana Si Pungut dan Si Kadut? Kamu mesti pergi mencari mereka. Suruh mereka datang ke sini,” katanya.

Dua orang anak muda yang berada di situ pun terus balik ke rumah panjang untuk mencari Si Pungut dan Si Kadut. Sebaik sahaja mereka sampai di rumah panjang mereka terus memanggil adik-beradik itu. “Mari ikut kami ke puncak Gunung Siburan. Ada sepohon pokok ajaib di atas sana. Mari kita pergi lihat bersama. Cepat!” kata mereka.

“Tidak!” jawab Si Pungut. “Kami tidak mahu ikut. Kenapa kamu semua tidak jemput kami semasa kamu pergi ke sana tadi?”

“Marilah. Kamu jangan bodoh! Kamu berdua anak yatim. Kamu orang papa-kedana. Jangan cuba bercakap sombong.”

Si Pungut dan Si Kadut berasa sangat terhina mendengar kata-kata yang diluahkan oleh pemuda itu. Mereka terus berkurung di dalam bilik dan tidak mahu keluar. Kedua-dua anak muda tadi terpaksa balik ke puncak Gunung Siburan tanpa mereka.

“Kita telah melakukan kesilapan,” kata ketua rumah panjang apabila kedua-dua anak muda tadi sampai. “Si Pungut dan Si Kadut betul. Mereka sepatutnya dijemput bersama-sama kita sebelum ini. Salah untuk kita mengasingkan sesiapa. Mari, kita pergi bersama-sama menjemput mereka.”

“Menjemput dua beradik yatim piatu itu?” Ada yang tidak senang mendengar keputusan ketua rumah panjang..

“Ya. Sudah menjadi adat dan budaya kita untuk menjemput semua kalau berlaku sesuatu seperti ini. Pokok ajaib ini pun turut marah. Mari ikut saya,” kata ketua rumah panjang dengan tegas.

Dengan demikian orang ramai tadi pun turun semula ke kampung untuk menjemput Si Pungut dan Si Kadut. Pada mulanya dua beradik itu tidak mahu ikut mereka. Bagaimanapun, setelah puas dipujuk oleh ketua rumah panjang, mereka berdua akhirnya bersetuju juga. Mereka pun mengikut orang ramai naik ke puncak Gunung Siburan.

Sebaik sahaja Si Pungut dan Si Kadut sudah sampai dekat pokok ajaib tadi ketinggianya terus menurun! Orang ramai yang menyaksikan keajaiban itu semua berasa gembira. “Sekarang bolehlah kita ambil harta karun yang terdapat pada pokok ini,” kata mereka.

Beberapa orang yang berada di situ mula cuba memanjat pokok tadi tetapi tidak berjaya. Kulit pokok itu masih licin dan ketinggianya, meskipun sudah menurun, belum memungkinkan orang memanjatnya.

Ketua rumah panjang seterusnya mengarahkan orang kampung untuk menyediakan tikar dan menjemput Si Pungut dan Si Kadut duduk di atasnya. Selepas itu, dia mengarahkan kaum wanita yang berada di situ memasak makanan yang lazat untuk kedua-dua beradik tadi.

Ketinggian pokok ajaib tadi menurun lagi setelah Si Pungut makan paha ayam goreng! Apabila Si Kadut menikmati tempoyak goreng ketinggian pokok itu terus menurun tetapi masih belum cukup untuk membolehkan orang memanjatnya.

Sebaik sahaja Si Pungut dan Si Kadut habis menjamah makanan dan minuman ketua rumah panjang menyuruh orang ramai bermain gong dan canang pula. Dia kemudian menjemput Si Pungut dan Si Kadut untuk menari mengelilingi pokok ajaib tadi. “Sekarang, saya dengan hormatnya mempersilakan anak-anak mendiang Raja Sibarun, cucu-cucu kepada mendiang Raja Manggeng, untuk menari mengelilingi pokok ini,” katanya dengan penuh sopan.

Si Pungut dan Si Kadut menerima pelawaan ketua rumah panjang itu dengan bangga. Mereka berdua terus menari mengelilingi pokok ajaib tadi mengikut rentak pukulan gong dan canang.

Dahan-dahan pokok ajaib itu bergoyang-goyang. Batangnya bergoyang ke kiri dan ke kanan. Ketinggiannya semakin menurun. Tidak lama kemudian pokok itu sudah sama tinggi dengan manusia biasa! Orang ramai berteriak kegembiraan dan berlari berebut-rebut ke arahnya.

“Berhenti! Berhenti! Jangan pegang dan ambil apa-apa!” teriak ketua rumah panjang. “Biarkan Si Pungut dan Si Kadut yang mengambil buah pertama dari pokok ini dahulu. Pokok ajaib ini milik mereka berdua!”

Si Pungut dan Si Kadut pun masing-masing mengambil apa yang terdapat pada pokok tersebut—gong, bedil yang berkilat, tali pinggang perak, pasu berwarna kelabu, pinggan hijau, manik yang berwarna-warni, bungkus duit perak, kotak bekas sirih dan talam, sebuah seorang.

“Kami sudah mengambil bahagian kami masing-masing. Sekarang kami ingin menjemput ketua rumah panjang dan kawan-kawan sekampung untuk mengambil bahagian masing-masing pula,” pelawa Si Pungut dan Si Kadut.

Orang ramai pun masing-masing mengambil harta karun yang terdapat pada pokok ajaib tersebut. Sibun Simambang juga mengambil semua yang dia perlukan dan menyimpankannya ke dalam tambok sambil tersenyum lebar. Dia sekarang tengah memikirkan calon isterinya. “Sekarang aku sudah ada barang hantaran seperti yang diminta,” bisik hatinya, penuh gembira.

“Datanglah ke perkahwinan saya nanti,” kata Sibun Semambang kepada kawan-kawan sekampung. “Datang dalam masa tujuh hari lagi,” tambahnya

Apabila orang ramai sudah habis mengambil bahagian masing-masing dahan-dahan pokok itu tiba-tiba bergoyang kencang. Daun-daunnya menggerisik dan batangnya kembali tinggi mencecah awan biru.

.Sementara itu, ada seorang yang tidak mendapat apa-apa bahagian daripada pokok ajaib tadi—Si Dia. Si Dia tidak ada bersama semasa Si Pungut dan Si Kadut menari mengelilingi pokok ajaib itu. Perempuan tersebut melarikan diri ke dalam hutan kerana merajuk setelah ditegur oleh ketua rumah panjang dan ditertawakan oleh orang kampung. Apabila dia balik semua barangan berharga dari pokok itu sudah habis diambil. Yang tinggal hanyalah sebiji pasu yang sudah retak. Si Dia sangat kecewa bercampur marah.

Sambil menangis dan menyumpah-nyumpah Si Dia berlari mengelilingi pokok tersebut. Pokok itu ditumbuk-tumbuk dan ditendang-tendangnya. “Kamu pokok derhaka! Kenapa kamu tidak berikan saya harta karun itu? Apa yang boleh saya lakukan dengan pasu yang retak ini?” katanya.

Orang ramai ketawa melihat Si Dia. Tidak ada seorang pun yang cuba memujuknya. Tidak ada seorang pun yang cuba bercakap dengannya. Pun tidak ada yang sanggup berkongsi harta karun yang diperoleh itu dengannya. Mereka hanya ketawa melihat gelagat wanita yang gemuk gedempul itu. Tiba-tiba Si Dia mengambil pasu yang retak tadi dan membalingkannya ke arah pokok tersebut.

Dengan tidak semena-mena, awan biru berubah menjadi gelap disusuli oleh bunyi guntur dan kilat yang sambung-menyambung. Sejurus kemudian terdengarlah suatu dentuman yang sangat kuat, seperti bunyi benda terjatuh. Orang ramai menyangka langit sudah runtuh. Pokok ajaib tadi sudah tumbang menyembah bumi! Pokok itu sangat besar

lagi panjang. Bahagian akarnya masih di sebelah Sarawak manakala dahan-dahannya yang masih penuh dengan harta karun sudah menjangkau ke Kampung Sikung di kawasan Kalimantan.

Dengan demikian, harta karun itu pun jatuh ke tangan penduduk Sikung yang menjumpainya. Kerana itulah, harta pusaka yang ada di Siburan ada yang sama dengan harta pusaka yang terdapat di Sikung. Hubungan antara penduduk Siburan dan Sikung juga akrab meskipun bertutur dalam dialek yang berbeza. Mereka tidak pernah bergaduh sesama sendiri malah sering kunjung-mengunjung walaupun perjalanan mengambil masa lebih kurang tiga hari berjalan kaki.

Selepas kejadian itu ada sebatang pokok yang serupa telah tumbuh di Sikung, di tempat pokok yang asal rebah dahulu. Ada yang berpendapat pokok yang baru itu tumbuh daripada dahan pokok yang terdapat di puncak Gunung Siburan. Masyarakat di situ juga akan sentiasa memuja pokok tersebut setiap kali perayaan diadakan di kampung mereka. Mungkinkah suatu hari nanti pokok itu akan berbuah seperti pokok asal di Gunung Siburan itu!

Cerita ini diceritakan kepada penulis oleh mantan Penghulu Midun Anak Jagat. Mantan Penghulu Midun Anak Jagat berasal dari Kampung Mambong, setelah berhijrah dari Gunung Siburan ketika usia masih muda.

AKMY/za (fld AK: Kisah Pokok Siburan)

Dewan Bahasa dan Pustaka Cawangan Sarawak